

KEGIATAN KONGSI GELAP CINA DI KULIM DAN KESANNYA TERHADAP EKONOMI KEDAH, 1888-1890

*(THE ACTIVITIES OF CHINESE SECRET SOCIETIES IN KULIM AND ITS
IMPACT ON KEDAH'S ECONOMY, 1888-1890)*

Anis Syuhada Amran & Norasmahani Hussain

Abstrak

Artikel ini membincangkan kegiatan kongsi gelap Cina di Kulim yang memberi kesan negatif terhadap ekonomi Kedah antara tahun 1888 hingga 1890. Kajian lepas mengenai kegiatan kongsi gelap di Kedah lebih menumpukan perbincangan kepada kegiatan jenayah sosial seperti merompak dan menyamun sahaja. Manakala kajian-kajian yang memfokuskan perbincangan mengenai kegiatan jenayah sosial di Kedah pula tidak memberi penumpuan secara khusus kepada kongsi gelap Cina kerana perbincangan yang dibuat adalah merangkumi masalah jenayah sosial yang juga turut dilakukan oleh orang Melayu. Oleh sebab itu, penulisan tentang aktiviti ekonomi dan kegiatan jenayah oleh kumpulan kongsi gelap Cina masih kurang diberi perhatian dan dibincangkan secara mendalam. Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif yang telah menganalisis sumber primer dan sumber sekunder yang diperoleh dari Arkib Negara Malaysia Kuala Lumpur, Arkib Negara Malaysia cawangan Kedah/Perlis, Perpustakaan Negara dan Koleksi Malaysiana serta Koleksi Arkib Perpustakaan Hamzah Sendut 1 Universiti Sains Malaysia. Hasil kajian mendapati, selain jenayah sosial seperti merompak dan menyamun, kumpulan kongsi gelap Cina di Kulim turut menjalankan kegiatan ekonomi seperti penjualan candu dan bijih timah secara haram dan juga pengoperasian pusat perjudian secara haram. Perkara ini memburukkan lagi ekonomi Kedah yang telah sedia buruk ekoran beban hutang negeri Kedah yang semakin meningkat. Bagi mengelakkan situasi ekonomi Kedah semakin memburuk, Sultan Abdul Hamid dan pihak berkuasa di Kulim telah mengambil langkah untuk mengawal kegiatan kongsi gelap Cina dengan lebih ketat di samping meningkatkan kawalan keselamatan. Malah hukuman yang berat juga dikenakan kepada pesalah-pesalah yang merupakan ahli kongsi gelap yang telah dibuktikan kesalahan mereka.

Kata Kunci: Kongsi gelap Cina, Kulim, ekonomi Kedah, kegiatan ekonomi, kegiatan jenayah

Abstract


This article discusses the activities of Chinese secret societies in Kulim that had a negative impact on Kedah's economy between 1888 and 1890. Previous studies on the activities of secret societies in Kedah have primarily focused on social criminal activities, including robbery and theft only. While the studies that focused on the discussion of social crime activities in Kedah did not focus specifically on the Chinese secret societies because the discussion included the problem of social crime that also committed by the Malay people. Therefore, literature about the economic and criminal activities of Chinese secret societies continues to receive little attention and is rarely examined in depth. This paper employs a

qualitative method to analyse primary and secondary sources obtained from the National Archives of Malaysia Kuala Lumpur, the National Archives of Malaysia Kedah/Perlis branch, the National Library and Malaysia collection, and the Hamzah Sendut 1 Library of Universiti Sains Malaysia. The study found that, in addition to social crimes such as robbery and theft, Chinese secret societies in Kulim also carry out economic activities such as the illegal sale of opium and tin ore and also the operation of illegal gambling centres. This is exacerbating Kedah's already dismal economic situation as a result of the state's rising debt burden. To avoid Kedah's economic condition from worsening, Sultan Abdul Hamid and Kulim authorities have made steps to tighten control over Chinese secret societies' activities while boosting security restrictions. Severe punishment was also imposed on those who were members of the secret society who had been proven guilty.

Keywords: *Chinese secret society, Kulim, Kedah economy, economic activities, criminal activities*

PENGENALAN

Kulim ialah sebuah daerah di negeri Kedah yang diperintah oleh Sultan Kedah yang terletak di bahagian tenggara Kedah dan berhampiran dengan sempadan bahagian barat negeri Pulau Pinang (Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri 2018). Menurut Zahrah Mahmud (1966), daerah Kulim pada awal kurun ke-19 adalah sama seperti kebanyakan kawasan terpencil lain di Tanah Melayu yang masih belum membangun dan dikelilingi hutan tebal yang terdapat banyak binatang dan hidupan liar. Dalam tempoh tersebut juga, jumlah penduduk di Kulim adalah kecil dan dianggarkan hanya seramai seratus orang sahaja dan hampir kesemuanya berketurunan Melayu Patani yang berasal dari selatan Thailand (Thow Eng Kee 1995).



Gambar 1. Lokasi Daerah Kulim di Kedah

Sumber: Disesuaikan daripada Khadri Mohd. Salleh, *Masalah Kongsy Gelap dan Pergaduhan Orang-Orang Cina di Kulim, Kedah Pada Tahun 1888, 1989*, hlm. 41.

Daerah Kulim mulai berkembang pada pertengahan kurun ke-19, iaitu antara tahun 1840-an hingga 1880-an, ekoran pembukaan tanah untuk kegiatan pertanian seperti getah dan kelapa sawit

oleh penduduk tempatan dan juga orang luar yang datang dari Seberang Perai, Pulau Pinang (Thow Eng Kee 1995). Seiring dengan perkembangan ekonomi, penduduk Melayu tempatan yang pada mulanya mengusahakan tanaman padi secara sara diri telah mula menanam tanaman komersial seperti lada hitam dan gambir. Selain pertanian, sektor perlombongan bijih timah adalah antara kegiatan ekonomi yang semakin berkembang di Kulim. Kegiatan ekonomi perlombongan ini telah menggalakkan kemasukan orang luar, khususnya dari negara China.

Menurut Khadri Mohd. Salleh (1989), masyarakat Melayu yang telah lama menetap di Kulim kurang berminat untuk terlibat dalam kegiatan ekonomi perlombongan kerana mereka lebih memfokuskan kepada sektor pertanian. Jika ada masyarakat Melayu yang terlibat dalam aktiviti perlombongan, pekerjaan tersebut dilakukan secara sampingan sahaja. Maka atas sebab itulah jumlah pengeluaran komoditi bijih timah dari daerah Kulim adalah jauh lebih rendah berbanding kawasan-kawasan lain di Semenanjung Tanah Melayu seperti Larut, Perak, Kuala Lumpur dan Selangor (Khadri Mohd. Salleh 1989). Menurut Victor Purcell (1948), imigran dari China mempunyai semangat perusahan yang tinggi. Maka atas sebab itulah imigran dari China tertarik untuk datang ke Kulim yang kaya dengan hasil bumi bijih timah kerana mereka boleh melibatkan diri dalam sektor industri perlombongan bijih timah yang menjanjikan upah dan keuntungan yang tinggi. Dengan itu, imigran dari China tersebut dapat mengumpul sedikit kekayaan untuk dibawa balik ke negara asal mereka (Ooi Jin Pee 1963).

Menurut R. N. Jackson (1961), mulai tahun 1854, kemasukan imigran dari China ke Kulim untuk mengusahakan kegiatan perlombongan bijih timah di daerah ini semakin meningkat kerana terdapat lebih kurang seribu ke dua ribu orang Cina telah mendarat di Pulau Pinang, Seberang Perai serta beberapa kawasan lain yang berhampiran (Jackson 1961). Memandangkan lokasi Kulim yang bersebelahan dengan Seberang Perai dan terdapatnya hasil bumi bijih timah di daerah tersebut, maka atas sebab itulah Kulim menjadi destinasi tumpuan imigran Cina kerana lombong-lombong bijih timah di daerah tersebut menjadi prospek untuk mereka mengumpul kekayaan melalui penglibatan dalam kegiatan ekonomi perlombongan bijih timah (Thow Eng Kee 1995). Menurut Mohd Yusuf Mustaffa (1978), sebahagian besar imigran Cina yang datang ke Kulim untuk bekerja di lombong-lombong bijih timah adalah dari wilayah selatan China yang terdiri daripada puak atau suku kaum Cina yang pelbagai iaitu seperti Hokkien, Kantonese, Teochew, Hailam, Kheh, Hoichew, Hok China dan Kwongsi. Hanya sebilangan kecil imigran Cina tersebut yang datang dari wilayah utara China. Ketua bagi masyarakat Cina di Kulim ialah Chui Ah Cheoh. Beliau dilantik sebagai Kapitan Cina oleh masyarakat Cina dan beliau dikatakan orang yang bertanggungjawab mengasaskan pekan Kulim. Menurut C. S. Wong (1963):

There was perhaps in the early days of the 19th a Kapitan Chiu Ah Cheoh, a Cantonese from Toi San District, who is claimed by a Chinese source to be the founder of the town of Kulim in Kedah.

Seiring dengan jumlah kemasukan imigran Cina yang tinggi ke Kulim, maka pengeluaran komoditi bijih timah dari daerah tersebut turut meningkat kerana imigran Cina tersebut giat menjalankan kegiatan perlombongan bijih timah (Khadri Mohd. Salleh 1989). Kebenaran untuk menjalankan kegiatan perlombongan bijih timah berdasarkan pajakan yang dikenakan dalam tempoh masa tertentu telah diberikan oleh Kerajaan Kedah yang pada waktu itu di bawah pemerintahan Sultan Abdul Hamid Shah (Mat Kassim Abdul Majid 1981). Menjelang akhir kurun ke-19, komposisi penduduk di daerah Kulim telah berubah ekoran kemasukan imigran Cina dan India yang bekerja di kawasan-kawasan lombong dan ladang-ladang getah (Thow Eng Kee 1995). Oleh sebab ramai imigran Cina bertumpu di Kulim, maka Kulim telah menjadi satu kawasan yang mempunyai majoriti orang Cina (Mat Kassim Abdul Majid 1981). Kemasukan imigran Cina ke Kulim bukan sahaja telah mewujudkan satu komuniti Cina yang ramai semata-mata, malah beberapa kumpulan kongsi gelap turut ditubuhkan.

Kumpulan kongsi gelap ialah kumpulan atau persatuan yang tidak berdaftar secara sah di sisi undang-undang (Bolton & Hutton 2000). Kumpulan kongsi gelap lazimnya terlibat dalam kegiatan haram bagi membiayai kegiatan mereka dan antaranya adalah seperti perniagaan candu, rompakan, ceti haram, perjudian haram dan pelacuran (Blythe 1969; Tan Geck Choon 2013). Menurut Victor

Purcel (1948), masyarakat Cina sememangnya mempunyai sifat yang cenderung untuk berkumpul dalam kumpulan dan melakukan kegiatan yang lazimnya menyalahi undang-undang. Hal ini demikian kerana ramai dalam kalangan masyarakat Cina yang datang dari negara China itu adalah merupakan pencuri, pelanun, penjenayah dan pelarian politik (Purcel 1948). Maka kumpulan-kumpulan kongsi gelap Cina di Kulim seperti Ghee Hin dan Ho Seng adalah tidak terkecuali daripada melakukan kegiatan-kegiatan negatif yang mendatangkan keburukan dan kemudaratan kepada masyarakat setempat.

Kajian-kajian lepas mengenai kongsi gelap Cina di Kedah masih kurang dihasilkan. Kajian-kajian lepas mengenai topik kongsi gelap ini kebanyakannya lebih memberi perhatian kepada kegiatan jenayah sosial kumpulan ini yang telah mendatangkan pelbagai masalah dan kemudaratan kepada kawasan setempat seperti pergaduhan di Kulim pada 1888 dan juga kesannya kepada ekonomi Kedah. Misalnya kajian oleh Khadri Mohd. Salleh (1989) yang berjudul *Masalah Kongsi Gelap dan Pergaduhan Orang-orang Cina di Kulim, Kedah Pada Tahun 1888* telah memberikan tumpuan sepenuhnya kepada kegiatan jenayah sosial kongsi gelap dan pergaduhan sebilangan orang Cina di Kulim pada tahun 1888. Manakala kajian oleh Thow Eng Kee (1989) yang berjudul *Kekacauan di Kulim, 1888* juga mengupas secara terperinci mengenai kekacauan dan konflik yang telah terjadi di Kedah khususnya yang melibatkan kegiatan jenayah sosial kongsi gelap di Kulim pada penghujung kurun ke-19. Maka kedua-dua kajian ini jelas kurang memberi perhatian kepada persoalan kegiatan ekonomi kongsi gelap Cina yang turut memberi kesan kepada ekonomi negeri Kedah.

Kajian oleh Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (2007) iaitu *Surat Menyurat Sultan Abdul Hamid Sebagai Dokumen Sejarah Sosioekonomi Negeri Kedah (1882-1943)* ada membincangkan mengenai kesan buruk perkembangan ekonomi di Kedah yang disebabkan oleh kekacauan dan jenayah sosial di Kulim yang melibatkan kumpulan-kumpulan kongsi gelap. Manakala kajian lain oleh Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (2011) yang berjudul *Warisan Kesultanan Melayu: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid dan Ekonomi Kedah* juga ada menyentuh tentang kegiatan perlombongan di Kulim telah terjejas akibat kekacauan atau jenayah sosial yang dicituskan oleh kongsi-kongsi gelap di Kulim. Manakala kajian oleh Mohd Kasturi Nor Abd Aziz (2012) yang seterusnya iaitu *Kegiatan Jenayah di Kedah Menerusi Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid* juga memberi tumpuan khusus kepada kegiatan jenayah sosial yang dilakukan oleh kumpulan-kumpulan kongsi gelap di Kedah. Antara contoh kegiatan jenayah sosial yang diberi perhatian dalam kajian-kajian tersebut adalah seperti menyamun, mencuri harta dan ternakan, membunuh dan mencederakan individu, penipuan, melarikan perempuan tanpa kebenaran dan pergaduhan berkumpulan. Maka adalah jelas bahawa kajian oleh Mohd Kasturi Noor (2007); (2011) dan (2012) ini kurang memberi perhatian kepada persoalan tentang kegiatan ekonomi kongsi gelap di Kulim.

Manakala kajian oleh Haslindawati Saari, Azmah Abd. Manaf dan Norizan Abd. Kadir (2021) yang bertajuk *Jenayah dan Gejala Sosial dalam Masyarakat Melayu Kedah, 1882-1940* menumpukan perbincangan mengenai kepada kegiatan jenayah dan gejala sosial yang dilakukan oleh masyarakat Melayu di Kedah. Kajian ini jelas tidak membincangkan persoalan ini dari sudut pandang kongsi gelap Cina yang merupakan fokus utama artikel ini. Manakala kajian oleh Mahani Musa (2006) yang berjudul *Malay Secret Societies in the Northern Malay States, 1821-1940s* membincangkan kegiatan jenayah kongsi gelap Melayu di negeri-negeri utara Tanah Melayu. Kedua-dua kajian ini jelas tidak membincangkan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh kongsi gelap Cina di Kedah. Manakala kajian oleh Wilfred Blythe (1969) iaitu *The Impact Of Chinese Secret Societies In Malaya* menumpukan perbincangan mengenai kegiatan kongsi gelap di Pulau Pinang, Singapura, Selangor, Perak, Melaka dan juga Negeri Sembilan sahaja. Kegiatan kongsi gelap Cina sama ada kegiatan jenayah sosial mahupun jenayah ekonomi di Kedah tidak dibincangkan oleh Blythe (1969). Persoalan yang tidak disentuh oleh ketiga-tiga kajian inilah yang akan dikupas secara mendalam dalam artikel ini.

Selain itu, terdapat kajian-kajian lain yang menyentuh tentang kegiatan jenayah sosial kongsi gelap di Kulim, Kedah seperti kajian oleh Buyong Adil (1980) yang berjudul *Sejarah Kedah*; kajian oleh Muhammad Hassan To' Kerani Mohd Arshad (1968) yang bertajuk *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*; dan kajian oleh Mohd Yusof Mustafa (1978) yang berjudul *Perkembangan-Perkembangan Di daerah Kulim, Kedah (1870-1939)*. Ketiga-tiga kajian ini menyentuh secara sepintas lalu mengenai kegiatan jenayah

sosial kongsi gelap di Kulim, Kedah. Malah, ketiga-tiga kajian ini juga kurang memberikan perhatian kepada perbincangan mengenai kegiatan ekonomi kongsi gelap yang turut meninggalkan kesan terhadap ekonomi Kedah. Sehubungan itu, penulisan ini akan membincangkan persoalan kegiatan ekonomi oleh kumpulan kongsi gelap Cina di Kulim yang sebenarnya turut menyumbang kepada masalah ekonomi Kedah pada ketika itu.

KONGSI-KONGSI GELAP CINA DI KULIM

Kongsi-kongsi gelap Cina di Tanah Melayu merupakan cawangan Kumpulan Triad yang telah ditubuhkan di China Selatan pada kurun ke-17 yang bertujuan untuk menggulingkan kerajaan Manchu. Sebahagian besar ahli Kumpulan Triad tersebut telah berhijrah ke Negeri-negeri Selat dan tradisi kongsi-kongsi gelap itu diteruskan di Negeri-negeri Selat (Tan Ding Eing 1975). Imigran Cina yang datang ke Negeri-negeri Selat datang dari pelbagai daerah berbeza di China dan mereka juga terdiri daripada pelbagai suku, maka bahasa pertuturan dan adat mereka juga adalah berbeza. Perkara inilah yang menyebabkan imigran Cina menyertai kumpulan kongsi gelap dari suku yang sama demi mendapatkan bantuan dan perlindungan diri. Kumpulan Ghee Hin misalnya mewakili kepentingan orang Cina dari suku Kantonese; manakala Hai San mewakili kepentingan suku Hakka; dan Toa Peh Kong mewakili kepentingan suku Hokkien.

Memandangkan daerah Kulim adalah merupakan kawasan yang majoriti penduduknya terdiri daripada masyarakat Cina, maka keadaan ini telah menjadikan Kulim tidak terkecuali daripada mempunyai pertubuhan kongsi gelap yang merujuk kepada suatu kumpulan yang sememangnya akan ditubuhkan di mana-mana tempat yang menjadi tempat tinggal imigran Cina misalnya di Tanah Melayu (Khadri Mohd. Salleh 1989). Pertubuhan ini diwujudkan disebabkan sifat masyarakat Cina yang lebih cenderung untuk berkumpul dalam sebuah kumpulan bagi mengawal dan menguasai masyarakat Cina baik dari segi sosial mahupun ekonomi (Blythe 1969). Menurut Blythe (1969), kongsi gelap juga diwujudkan khas untuk memberikan perlindungan dan bantuan khususnya kepada ahli-ahli kongsi gelap yang berada dalam kesusahan (Blythe 1969). Hal ini disebabkan kerana kumpulan-kumpulan kongsi gelap ini turut berperanan sebagai persatuan kebajikan dan sosial yang membantu ahli-ahli dalam kesusahan, menguruskan pengebumian ahli-ahli yang meninggal dan juga membantu ahli-ahlinya mendapatkan pekerjaan (Tan Ding Eing 1975).

Menurut Tan Ding Eing (1975), kongsi-kongsi gelap juga ditubuhkan dengan tujuan untuk menguasai lombong-lombong bijih timah, perdagangan kuli, perjudian dan juga pelacuran. Maka atas sebab itulah kongsi-kongsi gelap Cina ditubuhkan di Kulim kerana tujuan imigran Cina yang datang ke daerah tersebut adalah untuk melibatkan diri dalam kegiatan perlombongan kerana mereka tidak mempunyai pilihan lain dalam sektor pekerjaan bagi menyara kehidupan di perantauan (Khadri Mohd. Salleh 1989). Hal ini terjadi disebabkan keinginan mereka untuk mengubah nasib dan kehidupan ke arah yang lebih baik setelah menghadapi pelbagai kesusahan dan kesempitan hidup di negara asal mereka.

Antara kumpulan kongsi gelap yang terdapat di Kulim ialah kumpulan Ghee Hin, Ho Seng dan Ho Chew. Kongsi-kongsi gelap Cina ini adalah merupakan sebahagian daripada kongsi-kongsi gelap Cina yang terdapat di Negeri-negeri Selat khususnya Pulau Pinang. Hal ini berikutan kedudukan Kulim yang bersebelahan dengan Pulau Pinang. Menurut Tan Ding Eing (1975), pada 1854, kongsi gelap Ghee Hin di Pulau Pinang mendakwa bahawa keahlian mereka adalah seramai 15,000 orang. Menurut Khadri Mohd. Salleh (1989), kongsi gelap yang paling berpengaruh di Kulim ini ialah kumpulan Ghee Hin. Kumpulan kongsi gelap ini dianggotai oleh masyarakat Cina yang terdiri daripada suku Teochew yang merupakan suku Cina terawal yang tiba di daerah Kulim berbanding suku-suku Cina yang lain. Namun begitu, suku Teochew lebih dikenali sebagai pengusaha tanaman ubi kayu disebabkan kecenderungan mereka dalam kegiatan pertanian ini adalah melebihi kecenderungan mereka dalam kegiatan perlombongan bijih timah (Thow Eng Kee 1995).

Menurut Thow Eng Kee (1995), seorang Kapitan Cina bernama Chiu Ah Cheoh yang telah dianggap sebagai individu yang bertanggungjawab mengasaskan pekan Kulim ini turut mempunyai kaitan dengan sejarah penubuhan kongsi gelap di Kulim. Beliau turut dianggap sebagai seorang ketua

kongsi gelap di Kulim berdasarkan dakwaan yang menyatakan bahawa beliau telah membina sebuah tokong yang dinamakan sebagai *Lu Pan Ku Miao* yang direkodkan oleh pihak berkuasa sebagai sebuah kongsi (Thow Eng Kee 1995). Meskipun demikian, penglibatan beliau dalam mana-mana pertubuhan kongsi gelap ini masih lagi samar-samar kerana pada ketika itu, selain kongsi gelap Ghee Hin, terdapat sebuah lagi kongsi gelap yang dinamakan sebagai Ho Seng di Kulim (Thow Eng Kee 1995). Kumpulan Ho Seng yang dianggotai oleh masyarakat Cina dari suku Hoichew dan suku Hai Lo Hong ini turut menjadi salah satu kumpulan kongsi gelap yang utama dan berpengaruh di Kulim. Kewujudan dua kumpulan kongsi gelap yang dominan ini secara tidak langsung telah menyebabkan Kulim dikenali sebagai pusat kongsi gelap yang terulung di Kedah (Thow Eng Kee 1995).

KEGIATAN EKONOMI KONGSI GELAP CINA DI KULIM

Kumpulan-kumpulan kongsi gelap di Kulim menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi yang telah mendatangkan kemudaran kepada hasil pendapatan negeri Kedah. Antara kegiatan ekonomi yang dilakukan secara haram atau yang menyalahi undang-undang oleh kumpulan-kumpulan kongsi gelap ini adalah seperti penjualan candu dan bijih timah secara haram serta pengoperasian perniagaan perjudian secara haram.

Kumpulan kongsi gelap Ghee Hin dan Ho Chew misalnya sering terlibat dalam kegiatan penjualan candu secara haram. Telah berlaku banyak kes yang melibatkan ketua kongsi gelap atau saudagar Cina yang mempunyai lesen atau hak ke atas sistem pajak gadai candu yang membolehkan mereka menjual candu secara sah telah menyelewengkan penjualan candu apabila mereka telah menjual candu-candu tersebut secara haram kepada ahli-ahli kongsi gelap dan masyarakat Cina dari luar daerah Kulim bagi mendapatkan keuntungan yang lebih (KSSAH No. 2. 29 Muharram 1305/18 Oktober 1888). Penyelewengan hak pajak gadai candu tersebut iaitu dengan menjualnya secara haram secara tidak langsung telah menyebabkan Kerajaan Kedah mengalami kerugian kerana kehilangan pendapatan yang sepatutnya diperoleh melalui cukai ke atas candu tersebut.

Masalah penyelewengan hak pajak gadai candu oleh kumpulan-kumpulan kongsi gelap di Kulim turut mendatangkan kesan buruk yang lain. Disebabkan sebahagian besar candu telah dijual secara haram kepada pihak-pihak luar, maka bekalan candu di Kulim hanya tinggal sedikit. Sehubungan itu, pergaduhan dalam kalangan masyarakat Cina yang bekerja di lombong-lombong bijih timah kerap kali berlaku kerana mereka telah berebut candu bagi memenuhi ketagihan candu masing-masing (Khadri Mohd. Salleh 1989).

Selain kegiatan menyeleweng candu, kumpulan kongsi gelap Ghee Hin dan Ho Seng turut menyeleweng hasil perlombongan bijih timah. Hal ini demikian kerana kawasan-kawasan lombong bijih timah di Kulim dikuasai oleh kumpulan-kumpulan kongsi gelap tersebut (Khadri Mohd. Salleh 1989). Perkara ini memberi kelebihan atau akses yang mudah kepada kumpulan-kumpulan kongsi gelap untuk menyeludup dan menjual bijih timah secara haram. Aktiviti penyeludupan bijih timah oleh kongsi-kongsi gelap tersebut telah dilaporkan oleh Tunku Muhammad Saad, iaitu orang yang ditugaskan oleh Sultan Abdul Hamid untuk mentadbir daerah Kulim, dalam surat aduannya kepada Sultan Abdul Hamid sendiri. Tunku Muhammad Saad mengadu bahawa bijih timah telah dijual secara haram oleh kumpulan-kumpulan kongsi gelap di kawasan sempadan Kulim-Seberang Perai, Mengkuang dan Perai, Pulau Pinang (KSSAH No. 2. 29 Muharram 1305/18 Oktober 1888). Penjualan bijih timah secara haram ini telah menyebabkan Kedah mengalami kerugian besar kerana pendapatan yang sepatutnya diperolehi melalui kutipan cukai ke atas bijih timah ini tidak dapat diperolehi sepenuhnya ekoran sebahagian besar hasil bijih timah tersebut dijual di pasaran gelap (KSSAH No. 2. 29 Muharram 1305/18 Oktober 1888).

Kumpulan-kumpulan kongsi gelap Ghee Hin, Ho Seng dan Ho Chew turut menjalankan kegiatan perjudian secara haram di Kulim. Kongsi-kongsi gelap ini telah mengoperasikan perniagaan perjudian yang tidak berdaftar secara sah (Khadri Mohd. Salleh 1989). Aktiviti perjudian yang beroperasi di tempat yang tiada kawalan keselamatan lazimnya telah membawa kepada pergaduhan-pergaduhan dalam kalangan masyarakat Cina yang berjudi. Menyedari tentang wujudnya masalah pergaduhan yang disebabkan oleh kegiatan perjudian secara haram tersebut, maka Kerajaan Kedah

telah mengarahkan Kapitan Cina atau ketua kongsi gelap untuk menyediakan satu tempat khas untuk berjudi supaya aktiviti tersebut dapat dikawal dan dipantau bagi mengelakkan berlakunya sebarang pergaduhan (KSSAH No. 2. 4 Rabiul Awal 1305/21 November 1888). Malah cukai juga dikenakan ke atas pihak yang menyediakan tempat untuk berjudi dan juga ke atas sesiapa sahaja yang berjudi (KSSAH No. 2. 4 Rabiul Awal 1305/21 November 1888). Walau bagaimanapun, peraturan ini tidak dipatuhi sepenuhnya kerana masih terdapat kumpulan-kumpulan kongsi gelap misalnya Ghee Hin yang masih lagi menjalankan perniagaan judi secara haram dan sulit di tempat masing-masing (Khadri Mohd. Salleh 1989). Maka perkara ini semestinya mendatangkan kerugian kepada Kerajaan Kedah kerana cukai terhadap aktiviti perjudian tidak dapat dikutip sepenuhnya (KSSAH No. 2. 4 Rabiul Awal 1305/21 November 1888).

KEGIATAN JENAYAH KONGSI GELAP CINA DI KULIM

Selain kegiatan ekonomi yang tidak sah di sisi undang-undang, kumpulan-kumpulan kongsi gelap di Kulim juga menjalankan pelbagai kegiatan sosial yang telah mengganggu ketenteraman awam. Antara kegiatan sosial oleh kongsi-kongsi gelap yang bertentangan dengan undang-undang adalah seperti merompak dan menyamun. Selain itu, rusuhan dan pergaduhan antara kumpulan kongsi gelap atas hak untuk menguasai kawasan-kawasan lombong bijih timah, tempat-tempat perjudian, rumah-rumah pelacuran dan pemerasan wang perlindungan daripada kalangan peniaga juga telah menyebabkan kekacauan dan keadaan yang huru-hara (Tan Ding Eing 1975).

Kumpulan-kumpulan kongsi gelap di Kulim seperti Ghee Hin, Ho Seng dan Ho Chew turut terlibat dalam kegiatan rompak dan samun yang dilakukan oleh ahli-ahli kongsi gelap tersebut sama ada secara perseorangan dan ataupun berkumpulan. Antara pihak yang kerap menjadi mangsa rompakan oleh kumpulan kongsi gelap tersebut ialah golongan peniaga seperti tauke-tauke kedai dan juga tauke-tauke pajak candu dan bijih timah berlesen yang enggan terlibat dalam aktiviti pasaran gelap. Hoi Kim Soon misalnya ialah salah seorang ketua pajak bijih timah di Kulim yang pernah dirompak oleh kumpulan kongsi gelap Ghee Hin dalam bulan November 1888 (KSSAH No. 2. 4 Rabiul Awal 1305/21 November 1888). Perkara ini telah menyebabkan kegelisahan dan ketidaktenteraman dalam kalangan tauke tersebut. Walau bagaimanapun, kegiatan rompak dan samun oleh kongsi-kongsi gelap tersebut tidak terhad dalam daerah Kulim semata-mata. Sebaliknya radar kegiatan rompak dan samun itu diluaskan sehingga ke daerah luar Kulim khususnya daerah-daerah yang bersempadan dengan Kulim seperti daerah Perai dan Machang Bubuk di Seberang Perai, Pulau Pinang (KSSAH No. 2. 4 Rabiul Awal 1305/21 November 1888). Kegiatan rompak dan samun tersebut jelas telah mengancam ketenteraman awam bukan sahaja terhadap penduduk di Kulim, malah termasuk penduduk di Pulau Pinang.

Selain kegiatan rompak dan samun, kegiatan lain yang turut mengganggu ketenteraman awam yang dilakukan oleh kumpulan kongsi gelap ialah pergaduhan besar antara kongsi gelap sehingga mencetuskan Perang Kulim yang juga dikenali sebagai Perang “Nyonya Cantik”. Pergaduhan besar tersebut berlaku pada awal bulan Jun tahun 1888 antara suku Teochew yang diwakili oleh kongsi gelap Ghee Hin dengan suku Hai Lo Hong yang diwakili oleh kongsi gelap Ho Seng (Thow Eng Kee 1995). Pergaduhan antara dua kongsi gelap tersebut berpunca daripada masalah perempuan iaitu isu perebutan seorang perempuan Cina yang dikenali sebagai perempuan jahat di Belakang Tebok yang juga terkenal dengan gelaran “nyonya cantik” (KSSAH No. 2. 15 Syawal 1305/24 Jun 1888). Disebabkan oleh kecantikan nyonya cantik itulah maka sekumpulan pemuda Teochew (kongsi gelap Ghee Hin) dan sekumpulan pemuda Hai Lo Hong (kongsi gelap Ho Seng) yang sering mengunjungi Belakang Tebok itu bersaing sesama mereka demi untuk mendapatkan dan memiliki nyonya cantik tersebut (Thow Eng Kee 1995). Persaingan tersebut akhirnya telah mencetuskan pergaduhan besar antara kongsi gelap Ghee Hin dengan kongsi gelap Ho Seng apabila para pemuda Hai Lo Hong bertindak menyerang sekumpulan pemuda suku Teochew. Dalam pergaduhan tersebut, tiga pemuda Teochew (kongsi gelap Ghee Hin) telah terbunuh manakala enam yang lain telah mengalami kecederaan yang parah akibat ditikam dan dipukul oleh para pemuda Hai Lo Hong (KSSAH No. 2. 16 Syawal 1305/25 Jun 1888).

Selain isu perebutan “nyonya cantik” itu, pergaduhan antara para pemuda Teochew dengan para pemuda Hai Lo Hong itu juga berpunca daripada perbezaan sosio-budaya dan persaingan ekonomi antara dua suku tersebut. Sejak dari awal kemasukan masyarakat Cina ke Kulim, mereka telah hidup dalam keadaan terpisah dan terasing mengikut suku, dialek dan wilayah atau daerah asal di China, dan perkara ini telah mempengaruhi pola petempatan dan pekerjaan mereka di Kulim (Thow Eng Kee 1995). Sebagai contoh, masyarakat Cina yang terdiri daripada suku Teochew di Kulim itu kebanyakannya telah mendiami di kawasan Kelang lama dan Simpang Tiga Keladi. Dalam sektor pekerjaan, suku Teochew lebih memfokuskan bidang pertanian dan penternakan. Hal ini berbeza dengan suku Hoichew dan suku Hai Lo Hong yang kebanyakannya tinggal di kawasan Belakang Tebok serta menjalankan kegiatan perlombongan bijih timah (Thow Eng Kee 1995). Pengasingan tersebut menyebabkan suku Hoichew, Hai Lo Hong dan Teochew sukar untuk bekerja sesama mereka dan mereka juga sukar untuk bergaul secara baik dan harmoni kerana setiap suku tersebut mempunyai loghat yang tersendiri, dan mereka seolah-olah terpisah dan hidup dalam dunia yang berbeza sehingga menyukarkan mereka untuk berkomunikasi serta berbaik-baik antara satu sama lain (Khadri Mohd. Salleh 1989).

Hubungan yang renggang antara setiap suku tersebut secara tidak langsung turut menimbulkan ketegangan antara satu sama lain, dan situasi ini diburukkan lagi apabila iri hati, cemburu dan hasad dengki yang merupakan sifat alami mereka telah menguasai diri masing-masing (Thow Eng Kee 1995). Hal ini demikian kerana sifat-sifat buruk tersebut boleh menyebabkan salah faham dan syak wasangka sehingga persaingan untuk meluaskan pengaruh dan kekuatan kongsi gelap masing-masing terutamanya dalam merebut peluang ekonomi dan kekayaan di lombong-lombong dan di kawasan-kawasan yang tanahnya subur serta mempunyai nilai komersial yang tinggi menjadi semakin hebat dan sengit (Thow Eng Kee 1995). Situasi ini sedikit sebanyak telah menimbulkan salah faham yang kecil antara mereka, dan ditambah pula dengan persaingan untuk menguasai tempat-tempat pelacuran, perjudian, pasaran gelap bijih timah, arak dan candu, maka pertengkar kecil berubah menjadi pergaduhan besar sehingga menyebabkan kekacauan dan ketidaktenteraman di Kulim (Thow Eng Kee 1995).

Antara contoh jelas yang menunjukkan sifat iri hati masyarakat Cina adalah seperti pada ketika harga bijih timah jatuh lalu menyebabkan suku Hai Lo Hong berasa tidak berpuas hati terhadap suku Teochew yang masih lagi boleh bergantung kepada tanaman ubi kayu yang pada ketika itu sedang berlaku kenaikan harga ubi dalam pasaran (Thow Eng Kee 1995). Punca utama suku Hai Lo Hong berasa tidak puas hati adalah disebabkan kerana mereka terpaksa menanggung beban kewangan yang tinggi ekoran pendapatan mereka terjejas teruk akibat kejatuhan harga bijih timah. Keadaan ini turut memanasakan lagi hubungan yang sedia tegang antara suku Hai Lo Hong dengan suku Teochew kerana mereka saling bersaing dalam merebut peluang-peluang kekayaan di Kulim (Thow Eng Kee 1995). Menurut Thow Eng Kee (1995), disebabkan kejatuhan harga bijih timah maka pemilik lombong iaitu Loh Chew dilanda masalah kewangan dan perkara tersebut membuatnya berasa sangat tertekan sehingga keputusan memberhentikan para pekerja lombong telah diambil. Walaupun begitu, beliau masih mengetuai para pekerja yang diberhentikan tersebut dalam usaha mereka untuk menentang suku Teochew dalam konflik perebutan nyonya cantik (Thow Eng Kee 1995).

KESAN KEGIATAN KONGSI GELAP TERHADAP EKONOMI KEDAH

Perang Kulim atau Perang “Nyonya Cantik” antara suku Teochew (kongsi gelap Ghee Hin) dengan suku Hai Lo Hong (kongsi gelap Ho Seng) telah meninggalkan kesan yang negatif terhadap Kerajaan Kedah yang pada ketika itu di bawah pemerintahan Sultan Abdul Hamid (Thow Eng Kee 1995). Perang tersebut telah menjejaskan kewibawaan Kedah sebagai sebuah kerajaan yang stabil dan bebas daripada campur tangan kuasa luar. Hal ini dikatakan sedemikian kerana akhbar-akhbar bahasa Inggeris di Negeri-negeri Selat seperti *Penang Gazette* dan *The Strait Times* bukan sahaja mempertikaikan kemampuan Sultan Abdul Hamid dan Tunku Yaakob dalam menangani masalah kongsi gelap di Kulim, malah kedua-duanya dikritik kerana tidak mempunyai keberanian untuk menangkap ahli-ahli kongsi gelap Ho Seng khususnya para pemuda dari suku Hai Lo Hong yang banyak menimbulkan kekacauan di Kulim (Thow Eng Kee 1995). Tuduhan-tuduhan sedemikian telah menyebabkan Sultan

Abdul Hamid berasa bimbang pihak British akan mengambil kesempatan dari persoalan kongsi gelap tersebut untuk campur tangan di Kedah (KSSAH No. 2. 16 Syawal 1305/25 Jun 1888).

Bukan itu sahaja, kekacauan yang berlaku di Kulim pada 1888 akibat pergaduhan kongsi gelap itu turut menyebabkan pentadbir British seperti Mr. Powell, Pegawai Jabatan Perlindungan Orang Cina dan W.E. Maxwell bertindak untuk melibatkan diri dengan melaksanakan tinjauan di kawasan yang terlibat dengan isu pergaduhan yang melibatkan dua kumpulan kongsi gelap tersebut pada 9 dan 10 Jun 1888 (Thow Eng Kee 1995). Tindakan ini secara tidak langsung jelas memperlihatkan bahawa British sememangnya tidak begitu yakin dengan kemampuan Sultan Abdul Hamid dan Tunku Yaakob dalam memulihkan keadaan huru-hara di Kulim pada waktu tersebut (Thow Eng Kee 1995). Justeru, adalah jelas bahawa Perang Kulim telah menarik perhatian kuasa luar seperti British untuk mengukuhkan lagi kedudukan dan pengaruhnya di Tanah Melayu melalui percubaannya untuk mencampuri hal ehwal dalaman negeri Kedah.

Pergaduhan besar kumpulan-kumpulan kongsi gelap sehingga mencetuskan Perang Kulim 1888 bukan sahaja mendatangkan kesan negatif terhadap aspek sosial dan politik, namun peristiwa ini juga telah memberi kesan negatif terhadap aspek ekonomi negeri Kedah. Kedah telah mengalami krisis kewangan yang lebih buruk selepas terjadinya Perang Kulim tersebut. Hal ini disebabkan kerana pergaduhan tersebut berlaku di kawasan-kawasan yang berpotensi menyumbangkan kepada hasil pendapatan negeri dan melibatkan pekerja-pekerja lombong dari suku Teochew dan suku Hai Lo Hong (Thow Eng Kee 1989). Ekoran pergaduhan tersebut yang berpunca daripada persaingan kedua-dua kongsi gelap tersebut untuk menguasai sumber ekonomi, kegiatan kongsi gelap, perjudian, bekalan candu dan wanita (Mohd Kasturi Nor Abd Aziz 2011), maka kegiatan perlombongan telah terhenti sehingga menyebabkan kemerosotan dalam pengeluaran hasil bijih timah. Jadual 1 di bawah jelas menunjukkan hasil eksport bijih timah yang berkurangan pada tahun 1888 iaitu tahun Perang Kulim berlaku.

Jadual 1. Hasil Eksport Bijih Timah Negeri Kedah (Kuala Muda, Karangan dan Kulim)

TAHUN	HASIL EKSPORT
1887	\$1,033.16
1888	\$6,97.00
1894	\$4,050.00

Sumber: Disesuaikan daripada Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 2. T.H.1304-1305H/1886-1887M; Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 3. T.H.1306-1307H/1888-1889M; Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 5. T.H.1308-1313H/1890-1895M.

Kegiatan perlombongan bijih timah sememangnya antara kegiatan ekonomi yang banyak menyumbangkan hasil pendapatan kepada negeri Kedah terutamanya melalui hasil kutipan pajakan dan percukaian untuk diguna pakai dalam hal ehwal belanjawan negeri. Namun, disebabkan Perang Kulim 1888 tersebut maka hasil pendapatan negeri Kedah yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh cukai dan pajakan lombong-lombong bijih timah dari daerah Kulim itu telah terjejas. Selain itu, Kerajaan Kedah juga perlu menanggung beban kos kewangan yang besar untuk perbelanjaan kerja-kerja membaik pulih kawasan-kawasan yang terjejas dan juga musnah akibat Perang Kulim 1888 (KSSAH No. 3. T.H.1306-1307H/1888-1889M).

Selain kesan ke atas ekonomi negeri, Perang Kulim 1888 secara tidak langsung turut memberi kesan kepada masalah kewangan yang melibatkan keluarga diraja mulai tahun 1889 (Thow Eng Kee 1995). Disebabkan kerajaan Negeri telah sedia terbeban dengan komitmen kewangan untuk membaik pulih kawasan Kulim selepas Perang Kulim 1888 tamat, maka masalah kewangan terus membelenggu Kerajaan Kedah sehingga Sultan Abdul Hamid terpaksa mengambil dua langkah drastik, iaitu: pertama, menanggung bayaran elaun sara hidup secara bulanan kepada keluarga diraja; dan kedua, memotong peruntukan elaun bulanan keluarga diraja (KSSAH No. 2. 14 Syaaban 1306/15 April 1889; KSSAH No. 2. 4 Zulkaedah 1306/2 Julai 1889). Keluarga diraja yang tidak bersetuju dengan langkah

penangguhan dan pemotongan peruntukan elaun tersebut ialah dua bapa saudara Sultan Abdul Hamid iaitu Tunku Thiauddin dan Tunku Yusuf. Kedua-duanya telah meluahkan rasa tidak berpuas hati apabila elaun sara hidup mereka yang masing-masing sebanyak \$1800 dan \$1400 telah tertunggah selama 33 bulan (KSSAH No. 2. 14 Syaaban 1306/15 April 1889). Konflik menjadi semakin tegang apabila daripada 33 bulan yang tertunggah, mereka kemudiannya hanya menerima bayaran elaun pada kadar empat bulan elaun sahaja (KSSAH No. 2. 4 Zulkaedah 1306/2 Julai 1889).

Konflik antara Sultan Abdul Hamid dengan dua bapa saudaranya itu menjadi semakin memburuk dan rumit apabila Sultan Abdul Hamid bercadang untuk memotong kadar elaun Tunku Thiauddin sebanyak \$300 dan Tunku Yusuf sebanyak \$400 lalu menjadikan kadar elaun baharu masing-masing ialah \$1500 dan \$1000 sahaja (KSSAH No. 2. 4 Zulkaedah 1306/2 Julai 1889). Cadangan pemotongan elaun tersebut telah menyebabkan Tunku Thiauddin dan Tunku Yusuf menjadi semakin tidak berpuas hati lalu mengadu mengenai perkara tersebut kepada Kerajaan Siam (KSSAH No. 2. 4 Zulkaedah 1306/2 Julai 1889). Kesulitan Sultan Abdul Hamid dalam membayar elaun sara hidup kepada dua orang bapa saudaranya itu menunjukkan bahawa sememangnya Kerajaan Kedah menghadapi masalah kewangan yang meruncing selepas Perang Kulim 1888.

Selain kesulitan untuk membayar elaun sara hidup kepada keluarga diraja, Sultan Abdul Hamid juga berdepan dengan kesulitan untuk membayar ganti rugi dalam jumlah penuh atau setimpal kepada pihak-pihak yang terjejas akibat Perang Kulim 1888. Antara pihak atau orang-perseorangan yang terlibat adalah seperti saudagar-saudagar Cina, penduduk tempatan dan pengusaha kebun. Kesemua mereka ini adalah umpama 'pelanduk' dalam peribahasa Melayu "Gajah berjuang sama gajah, pelanduk mati di tengah-tengah". Hal ini bermaksud, kesemua mereka menjadi mangsa keadaan akibat pergaduhan antara kongsi gelap Ghee Hin dengan kongsi gelap Ho Seng dalam Perang Kulim 1888.

Cheah Tek Taie dan Ooi Yu Sia adalah antara dua saudagar Cina yang diserang ketika Perang Kulim 1888 sedangkan kedua-duanya tidak mempunyai kaitan dengan mana-mana kumpulan kongsi gelap yang bergaduh dalam perang tersebut. Akibat serangan tersebut, Cheah Tek Taie dan Ooi Yu Sia masing-masing mengalami kerugian sebanyak \$24,003.79 dan \$18,420.66 setiap seorang (KSSAH No. 3. 19 Syaaban 1306/20 April 1889). Walau bagaimanapun, kedua-dua saudagar Cina tersebut mendapat pampasan ganti rugi yang jauh lebih rendah daripada jumlah kerugian sebenar kerana Kerajaan Kedah hanya membayar \$5000 kepada Cheah Tek Taie dan \$3000 kepada Ooi Yu Sia (KSSAH No. 3. 19 Syaaban 1306/20 April 1889). Cheah Tek Taie tidak berpuas hati dengan jumlah pampasan yang diterima olehnya itu. Justeru, Cheah Tek Taie mengadu mengenai perkara tersebut kepada Konsul Siam dan hasilnya Sultan Abdul Hamid bersetuju untuk mengikut nasihat Konsul Siam supaya membayar tambahan sebanyak \$300 lagi kepada Cheah Tek Taie (Thow Eng Kee 1995).

Selain saudagar-saudagar Cina, Kerajaan Kedah juga perlu membayar ganti rugi kepada penduduk tempatan yang secara tidak sengaja menjadi mangsa Perang Kulim 1888. Penduduk tempatan tersebut adalah mereka yang kehilangan harta seperti rumah kerana dibakar semasa pergaduhan Perang Kulim 1888 tersebut dan jumlah kerugian yang dituntut daripada Kerajaan Kedah adalah sebanyak \$6,774.50. Namun, Kerajaan Kedah hanya mampu membayar jumlah pampasan kerugian kepada para penduduk tempatan sebanyak \$1,693.72 sahaja daripada jumlah tuntutan yang sebenar (KSSAH No. 3. 19 Syaaban 1306/20 April 1889). Ketidakmampuan Sultan Abdul Hamid membayar jumlah penuh tuntutan-tuntutan kerugian tersebut menunjukkan bahawa situasi kewangan kerajaan berada dalam keadaan yang agak tenat.

Dalam keadaan kewangan negeri Kedah yang tidak stabil, beban hutang negeri Kedah pula semakin meningkat ekoran kemerosotan pendapatan negeri kesan daripada Perang Kulim 1888 yang telah menjejaskan kutipan cukai untuk kegiatan pertanian, perlombongan, perniagaan, perdagangan dan beberapa sektor lain juga (Thow Eng Kee 1995). Sebagai contoh, Lim Leng Cheak yang merupakan seorang pengusaha sektor pertanian tidak mampu membayar cukai kepada Kerajaan Kedah antara tahun 1889 hingga 1892 kerana kerugian besar yang dialaminya olehnya kerana kebun-kebunnya musnah akibat Perang Kulim 1888. Dalam kes Lim Leng Cheak ini, beliau tidak menuntut pampasan ganti rugi daripada Kerajaan Kedah, akan tetapi beliau meminta dan memujuk Sultan

Abdul Hamid untuk membuat pinjaman kewangan daripada Kerajaan Siam bagi pihaknya supaya perniagaannya dapat diselamatkan. Sultan Abdul Hamid bersetuju untuk menolong Lim Leng Cheak, lalu baginda meminjam sebanyak \$100,000 daripada Kerajaan Siam untuk diberikan sebahagiannya kepada Lim Leng Cheng dan sebahagian lagi digunakan untuk kegunaan baginda sendiri (Thow Eng Kee 1995).

Bermula dengan pinjaman kewangan daripada Kerajaan Siam itu, Sultan Abdul Hamid kemudiannya membuat pinjaman kewangan sejumlah \$19,000 daripada seorang pemajak yang bernama Lee Chin Tuan dalam tahun 1889 (KSSAH No. 1. 18 Zulkaedah 1306/13 Jun 1889). Menurut Thow Eng Kee (1995), sepanjang tahun 1890-an, Sultan Abdul Hamid telah membuat pinjaman kewangan daripada pelbagai pihak sehingga menyebabkan beban hutang Kedah semakin bertambah. Situasi ini telah menyebabkan kedudukan kewangan negeri Kedah hampir muflis kerana menanggung beban hutang yang begitu banyak. Pernah berlaku satu kes dalam bulan Ogos 1899 apabila seorang pemiutang iaitu pemajak yang bernama Lee Poh menuntut Sultan Abdul Hamid membayar semula pinjaman kewangan sejumlah \$32,000 dalam tempoh yang segera. Namun disebabkan Kerajaan Kedah pada ketika itu sedang kekeangan wang, maka Kerajaan Kedah terpaksa meminta campur tangan Konsul Siam untuk memujuk Lee Poh supaya hutang tersebut dapat dibayar secara ansuran iaitu sebanyak \$900 sebulan (Thow Eng Kee 1995). Perkara ini membuktikan bahawa kedudukan kewangan negeri Kedah sememangnya berada pada tahap kritikal kerana Kerajaan Kedah tidak berkeupayaan untuk membayar semula beban hutang yang ditanggung tersebut.

LANGKAH-LANGKAH MEMBENDUNG KEGIATAN KONGSI GELAP DI KULIM

Sebaik sahaja pergaduhan yang melibatkan kongsi gelap Ghee Hin dan Ho Seng berlaku pada 15 Mei 1888, dan pergaduhan ini turut disertai oleh sekumpulan besar pelombong-pelombong Cina yang baru sahaja diberhentikan kerja, Tunku Mohamad Saad bersama beberapa orang pengikutnya seperti Penghulu Elang dan Tok Janggi cuba menghentikan pergaduhan tersebut dengan cara menasihati pihak-pihak yang terlibat supaya berdamai (Thow Eng Kee 1995). Penghulu Elang juga telah membuat persediaan untuk menangkap mereka yang terlibat bagi menghentikan pergaduhan. Namun, tindakan-tindakan yang dilakukan ini gagal disebabkan bilangan puak Teochew (kongsi gelap Ghee Hin) dan Hai Lo Hong (kongsi gelap Ho Seng) itu sangat ramai jika dibandingkan dengan bilangan penduduk Melayu yang diminta untuk membantu pasukan Tunku Muhammad Saad, Penghulu Elang dan Tok Janggi dalam usaha untuk menghentikan pergaduhan tersebut. Pergaduhan tersebut sebaliknya menjadi semakin parah sehingga merebak ke kawasan lain (Thow Eng Kee 1995).

Selain itu, terdapat juga usaha lain oleh ketua kongsi gelap Ghee Hin di Kulim iaitu Lau Tsoo yang berjaya membawa kedua-dua puak yang bergaduh itu ke meja rundingan pada 25 Mei 1888 bagi mencari jalan penyelesaian untuk menghentikan pergaduhan. Walau bagaimanapun, rundingan tersebut telah mengeruhkan lagi permusuhan antara kumpulan kongsi gelap Ghee Hin dengan kongsi gelap Ho Seng apabila masing-masing tidak berpuas hati dengan tuntutan-tuntutan yang dibuat secara keterlaluan dalam rundingan tersebut (Thow Eng Kee 1995). Kesannya, pergaduhan antara dua kongsi gelap tersebut semakin memburuk dan berlanjutan sehingga Jun 1888. Dalam peristiwa pergaduhan tersebut, kumpulan kongsi gelap Ho Seng telah menyerang kumpulan kongsi gelap Ghee Hin sehingga menyebabkan kematian. Selain tu, kongsi gelap Ho Seng juga merampas dan membakar harta benda milik ahli-ahli kongsi gelap Ghee Hin yang terdiri daripada suku Teochew seperti lombong-lombong, rumah-rumah dan hasil-hasil ternakan (Thow Eng Kee 1995).

Bagi memulihkan semula keadaan dan mengelakkan sebarang pergaduhan besar tercetus lagi di Kulim, sebaik sahaja kumpulan kongsi gelap Ghee Hin mengalami kekalahan teruk, Tunku Yaakob yang telah dihantar oleh Sultan Abdul Hamid bagi menangani masalah pergaduhan di Kulim itu telah menghubungi Sultan Abdul Hamid melalui surat untuk meminta bantuan tentera bagi menghentikan kekacauan yang dicituskan oleh kumpulan kongsi gelap Ho Seng yang pada waktu itu masih enggan menyerah diri dan menamatkan pergaduhan (KSSAH No. 6. 6 Syawal 1305/15 Jun 1888). Sebaik sahaja mendapat berita tersebut, Sultan Abdul Hamid bersama-sama penduduk Melayu dan juga askar-askar Sepoi dari Negeri-negeri Selat segera berangkat ke Kulim bagi membantu menghentikan kekacauan tersebut (Thow Eng Kee 1995). Sejumlah seribu anggota pasukan bantuan telah menyertai


gerakan pemulihan di Kulim. Pasukan ini walau bagaimanapun tidak dibenarkan menggunakan kekerasan. Sebaliknya, mereka hanya perlu membuat mengawal atau berjaga di kebun-kebun, lombong-lombong dan ladang-ladang ubi kayu milik suku Teochew (kongsi gelap Ghee Hin) yang menjadi sasaran serangan oleh suku Hai Lo Hong yang merupakan kumpulan kongsi gelap Ho Seng (KSSAH No. 6. 6 Syawal 1305/15 Jun 1888).

Meskipun tidak menggunakan sebarang kekerasan, kumpulan kongsi gelap Cina Ho Seng akhirnya bersetuju untuk menyerah diri tanpa sebarang penentangan kepada pasukan bantuan Tunku Yaakob dan Sultan Abdul Hamid. Keputusan untuk menyerah itu dibuat atas dua sebab. Pertama, kumpulan kongsi gelap Ho Seng yang sudah terlalu kepenatan kerana pergaduhan tersebut telah berlangsung dalam satu tempoh yang lama dan panjang; dan kedua, kehadiran pasukan gerakan pemulihan yang membuat kawalan dan menjaga kawasan-kawasan milik suku Teochew telah menyebabkan kumpulan kongsi gelap Ho Seng terperangkap di tempat persembunyian dan terputus bekalan makanan (Thow Eng Kee 1995). Hal ini disebabkan kerana pasukan polis dan askar-askar Sepoi dari Negeri-negeri Selat telah bertindak mengawal di setiap pintu utama sempadan misalnya di jalan antara Machang Bubok dan Bukit Mertajam yang dikawal ketat oleh 20 orang askar Sepoi dan diikuti dengan sepasukan polis yang bertindak mengawal antara Jalan Bahru dan Bukit Mertajam (Thow Eng Kee 1995).

Sekiranya ahli-ahli kongsi gelap Ho Seng berjaya meloloskan diri sekali pun, adalah belum tentu mereka akan selamat kerana kebarangkalian mereka bertembung dengan ahli-ahli kongsi gelap Ghee Hin di Pulau Pinang adalah tinggi kerana majoriti penduduk di situ adalah dari suku Teochew (Thow Eng Kee 1995). Hal ini adalah disebabkan kerana seperti yang disebutkan pada awal perbincangan tadi, kongsi gelap Ghee Hin di Kulim adalah merupakan sebahagian daripada kongsi gelap Ghee Hin dari Pulau Pinang. Oleh sebab itu, ahli-ahli kongsi gelap Ho Seng terpaksa menyerah diri kerana itu adalah merupakan pilihan yang lebih baik berbanding ditangkap oleh pasukan gerakan pemulihan yang dilengkapi senjata.

Kerajaan Kedah juga mengambil inisiatif menjalankan siasatan dengan menangkap orang-perseorangan khususnya masyarakat Cina yang disyaki terlibat dalam mencetuskan pergaduhan di Kulim. Walaupun ketua-ketua kongsi gelap Ghee Hin telah melarikan diri ke Seberang Perai, Pulau Pinang (KSSAH No. 2. 15 Syawal 1305/25 Jun 1888), namun ketua-ketua kongsi gelap Ho Seng berjaya ditangkap sebelum mereka sempat melarikan diri dan mereka telah disoal siasat dan dihadapkan ke mahkamah untuk dibicarakan (Khadri Mohd. Salleh 1989). Selain itu, Tunku Yaakob telah berjaya memberkas seramai empat orang ketua kongsi gelap Cina dari kumpulan Ho Seng iaitu Oh Chu, Ah Yok, Ah Siak dan Ho Eng Koi untu disoal siasat (KSSAH No. 2. 4 Syawal 1305/14 Jun 1888). Malah, Tunku Yaakob juga berjaya menangkap dan menghadapkan Lu Chu, Chu Ah Yu, Lu Huat, Teoh Soon, Ooi Tim, Ooi Ya Kee, Ooi Sa Mei, Yu Choong, Lee Lin, Ong Ma Seng, Cha Boon, Ooi Kooi, Kam Hock, Ang Lee dan lain-lain ke mahkamah untuk dibicarakan (KSSAH No. 2. 14 Syaaban 1306/15 April 1889).

Hasil perbincaraan, kesemua mereka telah dikenakan hukuman yang berat iaitu penjara seumur hidup kecuali Ang Lee, Ah Ngee dan Teow Fatt yang dikenakan hukuman mati. Hal ini demikian kerana, terdapat bukti yang jelas menunjukkan bahawa mereka sememangnya terlibat secara langsung dalam pergaduhan pada bulan Jun 1888 dengan membunuh dan membakar rumah-rumah milik suku Teochew (KSSAH No. 2. 14 Syaaban 1306/15 April 1889). Hukuman yang dijatuhkan itu adalah setimpal kerana mampu memberi pengajaran kepada mana-mana pihak supaya jangan ada sebarang niat untuk mencetuskan lagi kekacauan di Kedah pada masa depan. Bukan itu sahaja, Tunku Yaakob bersama Tunku Mohamad Saad juga berjaya merampas beberapa senjata yang digunakan dalam pergaduhan tersebut (Khadri Mohd. Salleh 1989). Tindakan ini dilakukan sebagai langkah berjaga-jaga bagi mengelakkan penggunaan senjata dalam kalangan ahli kongsi gelap di Kulim. Sekiranya terjadi lagi pergaduhan besar antara kumpulan kongsi gelap Cina di Kulim, kejadian berdarah dapat dielakkan daripada berulang.



Gambar 2. Hukuman Mati Terhadap Ahli-ahli Kongsi Gelap yang Didapati Bersalah
 Sumber: Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 2. 14 Syaaban 1306/15 April 1889

Selain hukuman mati, hukuman lain yang dijatuhkan juga adalah seperti melongkan harta yang dimiliki Lu Chu dan ahli-ahli yang lain sebagai denda (KSSAH No. 3. 19 Syaaban 1306/20 April 1889). Hasil daripada harta lelongan tersebut digunakan untuk membayar ganti rugi kepada mangsa-mangsa yang terkesan dalam Perang Kulim 1888 itu (KSSAH No. 3. 15 Syaaban 1306/16 April 1889). Selain itu, hasil lelongan yang berjaya dikumpulkan sebanyak \$32,810.90 juga telah digunakan untuk membayar gaji para pekerja Lu Chu yang masih belum dibayar iaitu sebanyak \$14,538.82 (KSSAH No. 3. 15 Syaaban 1306/16 April 1889). Sebagai usaha untuk memberi pengajaran kepada sesiapa sahaja yang suka menimbulkan kekacauan, Sultan Abdul Hamid juga telah mengarahkan berita mengenai lelongan harta ini disebarikan kepada para pedagang Cina dan kongsi-kongsi gelap Cina di Pulau Pinang (KSSAH No. 3. 15 Syaaban 1306/16 April 1889).

Beta fikir tentulah ia kena kerugian patut dibayar beberapa yang patut. Maka inilah Beta beri ketahu kepada Sahabat Beta. Jika patut pada fikiran Sahabat Beta rial yang lebih lagi itu boleh hendak dibayar kepada orang pakak. Maka inilah Beta beri Van Abdullah Haji membawa surat ini kepada Sahabat Beta. Beta harap apa fikiran Sahabat Beta boleh beri ketahu mari kepada Beta dengan segera agar supaya boleh hendak menyelesaikan daripada fasal itu.

Hadalah lain-lain lagi harus berbanyak-banyak tabik Beta kepada Sahabat Beta. Percuma kepada 19 hari-tulan Syakban adanya tamat 1306.

Beri pada Konsul disain sahaja.

Maka Beta fikir Sahabat Betapun banyak susah di dalam perkara pergaduhan Kulim itu jadi patut mendapat. Maka inilah Beta ada taruh di dalam kira-kira buat belanja lelong itu banyaknya, \$600.00 hendak beri kepada Sahabat Beta.

Hadalah lain-lain lagi harus berbanyak-banyak tabik Beta kepada Sahabat Beta. Surat pada 19 Syakban tamat adanya 1306.

Inilah daftar kira-kira yang mau bayar kepada orang yang kena kerugian fasal pergaduhan di Kulim menurut seperti yang sudah diumumkan itu seperti yang tertera nama di bawah ini adanya tamat.

No.	Rial	duit	Rial	duit
1. Adnan Chu Teik Hai di atas Lu Chu	\$24,005	793	\$ 6,000	94
2. Adnan Ooi Yu Sia di atas Lu Chu	\$18,420	66	\$ 4,605	16
3. Adnan Pi Ooi di atas Lu Chu	\$ 94	00	\$ 12	50
4. Adnan Tan Ah Yu di atas Lu Huat	\$ 585	00	\$ 12	50
Jumlah 4 fasal	\$43,949	459	\$10,631	10

Ini kira-kira Rumah Orang Teow Cho yang dibakar oleh suku-suku orang Hoi Chu yang dibuat di Balai Kulim seperti yang tertera nama di bawah:-

1. Ma Kuan	300	00	Mahu bayar	75	00
2. Au Chi	160	00	Mahu bayar	40	00
3. Lu Teow Koi	135	00	Mahu bayar	33	85
4. Lu Huat	180	00	Mahu bayar	45	00
5. Teong Kang	354	00	Mahu bayar	88	50
6. Lu Yu Ji	98	00	Mahu bayar	24	50
7. Lu Chi	110	00	Mahu bayar	27	50
8. Kuo Ah Sim	280	00	Mahu bayar	70	00
9. Ooi Ngoo	150	00	Mahu bayar	37	50
10. Chang Ah Yu	400	00	Mahu bayar	100	00
11. Yong Ah Hu	290	00	Mahu bayar	72	50
12. Yong Jee Chin	380	00	Mahu bayar	95	00
13. Yong Kim	310	00	Mahu bayar	77	50
14. Yang Ah Yu	400	00	Mahu bayar	100	00
15. Kiew Soon Tee	350	00	Mahu bayar	87	50
16. Yong Tin	380	00	Mahu bayar	95	00
17. Chu Sui Teow	250	00	Mahu bayar	62	50
18. Cheng Hoi	230	00	Mahu bayar	57	50
19. Kuo Ngoo Chu	110	00	Mahu bayar	27	50
20. Chu Ah Kim	65	00	Mahu bayar	16	25
21. Yong Chu Hoo	70	00	Mahu bayar	17	50
22. Teow	230	00	Mahu bayar	57	50
23. Liew Seong	150	00	Mahu bayar	37	50
24. Ang Teik Chu	900	00	Mahu bayar	225	00
25. Lu Ah Teng	200	00	Mahu bayar	50	00
26. Koo Hoon	250	00	Mahu bayar	62	50
27. Su Pat	214	50	Mahu bayar	53	62
28. Chu Cha	248	00	Mahu bayar	62	00
Dijumlah banyaknya	\$6,774	50	Dijumlah-	\$1,693	12

Gambar 3. Hasil Lelongan Harta Ahli-ahli Kongsi Gelap yang Didapati Bersalah dan Jumlah Ganti Rugi yang Perlu Dibayar kepada Mangsa-mangsa
Sumber: Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 3. 15 Syaaban 1306/16 April 1889;
Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 3. 19 Syaaban 1306/20 April 1889.

Kerajaan Kedah telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk memperkukuhkan lagi langkah-langkah keselamatan di Kulim bagi mengelakkan pergaduhan besar terencana lagi di daerah tersebut. Antara langkah yang dilaksanakan adalah apabila Sultan Abdul Hamid telah meminta bantuan pegawai British di Pulau Pinang untuk mewartakan satu ordinan dalam *The Straits Government Gazette* mengenai peraturan bahawa sesiapa sahaja yang ingin masuk ke Kedah khususnya ke Kulim dengan membawa senjata api atau peluru perlu meminta kebenaran terlebih dahulu daripada Sultan Abdul Hamid atau pun daripada Konsul Siam di Pulau Pinang (KSSAH No. 2. 4 Syawal 1305/13 Jun 1888). Peraturan ini adalah bertujuan untuk memudahkan Kerajaan Kedah mengesan dan menangkap orang-perseorangan yang mencurigakan supaya sebarang kekacauan yang mendatangkan kecederaan atau kematian di Kedah dapat dielakkan daripada berlaku. Dengan adanya kawalan kemasukan senjata api tersebut, keselamatan para penduduk di negeri Kedah adalah lebih terjamin.

Bagi mengawal keselamatan negeri Kedah, Sultan Abdul Hamid juga telah mengambil tindakan dengan menggubal undang-undang dalam perintah Kedah seperti yang dikeluarkan oleh *Governor Strait Settlement* iaitu undang-undang untuk memindahkan ahli-ahli kumpulan kongsi gelap yang melakukan kekacauan ke Singapura, Pulau Pinang dan Melaka (KSSAH No. 5. 10 Safar 1308/25 September 1890). Menurut Sultan Abdul Hamid, undang-undang tersebut sememangnya sangat perlu dilaksanakan dan dikuatkuasakan di Kedah kerana undang-undang tersebut diyakini dapat mengelakkan kumpulan-kumpulan kongsi gelap daripada terus melakukan sebarang kegiatan yang boleh mencetuskan pergaduhan besar (KSSAH No. 5. 10 Safar 1308/25 September 1890). Selain itu, sebelum itu dalam Julai 1888, Tunku Yaakob telah membina dua buah kubu keselamatan yang mampu memuatkan lebih kurang 150 orang di setiap satu kubu di pinggir bandar Kulim (Thow Eng Kee 1995). Inisiatif ini dilakukan bagi meningkatkan tahap keselamatan dengan mengawasi dan menghalang suku-suku Cina yang sering bergaduh seperti Teochew dan Hai Lo Hong daripada

bertembung lalu mencetuskan lagi kekacauan dan pergaduhan di Kulim. Melihat kepada kesungguhan Sultan Abdul Hamid dan Tunku Yaakob dalam mengawal keselamatan Kedah, jelaslah bahawa kedua-duanya sememangnya tidak mahu pergaduhan besar sehingga mencetuskan perang baharu seperti Perang Kulim 1888 itu berulang.

KESIMPULAN

Ringkasnya, kegiatan-kegiatan ekonomi dan sosial kumpulan-kumpulan kongsi gelap Cina di Kulim telah mendatangkan banyak kesan negatif kepada negeri Kedah. Kegiatan-kegiatan ekonomi yang dijalankan secara tidak sah atau salah di sisi undang-undang seperti penyelewengan dan penyeludupan candu dan bijih timah sejak dari awal lagi telah memberi impak buruk kepada ekonomi negeri Kedah kerana jumlah kutipan cukai terhadap kegiatan-kegiatan ekonomi tersebut tidak dapat diperolehi sepenuhnya. Situasi ekonomi negeri Kedah menjadi lagi buruk selepas berlakunya pergaduhan besar antara kongsi gelap Ghee Hin dengan kongsi gelap Ho Seng sehingga tercetusnya Perang Kulim 1888.

Kesan Perang Kulim 1888 tersebut telah menyebabkan Kerajaan Kedah terpaksa berhadapan dengan krisis kewangan yang teruk kerana hasil pendapatan negeri Kedah yang sebahagian besarnya datang dari hasil kutipan cukai ke atas kegiatan ekonomi pertanian dan perlombongan di Kulim telah terjejas dengan teruk. Keadaan ini diburukkan lagi apabila Kerajaan Kedah terpaksa menanggung beban belanja yang agak besar untuk kos kerja-kerja pemulihan dan pembaharuan di daerah Kulim yang telah mengalami kemusnahan yang teruk. Perkara ini telah menjejaskan keupayaan kewangan Kerajaan Kedah dan perkara ini dapat dilihat kebenarannya apabila elau sara hidup keluarga diraja dan pampasan ganti rugi kepada mangsa-mangsa Perang Kulim 1888 tidak mampu ditanggung dan dibayar sepenuhnya. Kesukaran ini akhirnya telah mendorong Sultan Abdul Hamid membuat pinjaman kewangan sehingga Kerajaan Kedah terpaksa menanggung beban hutang yang besar.

Bagi mengelakkan peristiwa pergaduhan besar antara kumpulan kongsi gelap Cina sehingga mencetuskan Perang Kulim 1888 berulang, Kerajaan Kedah telah meningkatkan dan mengukuhkan kawalan keselamatan di Kedah secara umumnya dan di daerah Kulim secara khususnya. Memandangkan tiada dalam mana-mana rekod kerajaan negeri Kedah selepas tahun 1888 yang mencatatkan peristiwa pergaduhan besar yang seumpama Perang Kulim 1888, maka dapat disimpulkan bahawa langkah meningkatkan dan mengukuhkan kawalan keselamatan tersebut telah berjaya mengelakkan kumpulan-kumpulan kongsi gelap Cina daripada terus mengancam ketenteraman awam.

Selain usaha pencegahan oleh Kerajaan Kedah tersebut, inisiatif oleh Kerajaan British di Tanah Melayu yang mula mengambil langkah-langkah proaktif untuk memantau dan mengawal kumpulan-kumpulan kongsi gelap boleh dikatakan turut menyumbang kepada keamanan dan ketenteraman Kulim daripada kes-kes pergaduhan besar kumpulan-kumpulan kongsi gelap. Misalnya pada tahun 1889, iaitu tahun selepas Perang Kulim 1888, Kerajaan British telah meluluskan Ordinan Pertubuhan-pertubuhan 1889 yang bukan sahaja mengharamkan kumpulan-kumpulan kongsi gelap Cina, malah termasuk kumpulan-kumpulan kongsi gelap Melayu seperti kumpulan Bendera Merah dan Bendera Putih yang aktif di Pulau Pinang, Perak dan Kedah (Tan Ding Eing 1975; Mahani Musa 2006). Ordinan tersebut memaksa semua kumpulan kongsi gelap membubarkan kumpulan dan kegiatan masing-masing dalam tempoh enam bulan (Tan Ding Eing 1975).

Menurut Tan Ding Eing (1975), Ordinan Pertubuhan-pertubuhan 1889 itu secara tidak langsung telah memaksa kumpulan-kumpulan kongsi gelap bergerak dan beroperasi secara rahsia atau menyusun semula pertubuhan masing-masing iaitu dengan menggunakan nama yang baharu. Maka atas sebab itulah kumpulan-kumpulan kongsi gelap tidak dapat dihapuskan sepenuhnya. Hal ini dapat dilihat apabila kumpulan-kumpulan kongsi gelap masih wujud sehingga kini, dan kumpulan-kumpulan kongsi gelap tersebut meneruskan kegiatan-kegiatan masing-masing secara rahsia (Tan Ding Eing 1975). Walaupun begitu, pelaksanaan Ordinan Pertubuhan-pertubuhan 1889 itu sekurang-kurangnya telah membantu mengawal kegiatan-kegiatan kongsi-kongsi gelap di Tanah Melayu secara umumnya dan di Kulim secara khususnya daripada dilakukan secara terang-terangan atau terbuka.

Justeru, peristiwa kekacauan dan pergaduhan besar yang dicituskan oleh kumpulan-kumpulan kongsi gelap Cina di Kulim tidak lagi berulang.

RUJUKAN

- Ahmad Zaharuddin Sani Ahmad Sabri. 2018. *Sejarah Kedah Dua Millenia*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.
- Blythe, Wilfred. 1969. *The Impact Of Chinese Secret Societies In Malaya*. London: Oxford University Press.
- Bolton, Kingsley & Hutton, Christopher. 2000. *Triad Societies: Western Accounts of the History, Sociology and Linguistics of Chinese Secret Societies*. London: Taylor & Francis.
- Buyong Adil. 1980. *Sejarah Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- C.S. Wong. 1963. *A Gallery of Chinese Kapitans*. Singapura: Dewan Bahasa dan Kebudayaan Singapura.
- Haslindawati Saari, Azmah Abd. Manaf & Norizan Abd. Kadir. 2021. Jenayah dan Gejala Sosial dalam Masyarakat Melayu Kedah, 1882-1940. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 47-61.
- Jackson, R.N. 1961. *Immigrant and Labour and The Development of Malaya, 1786-1920*. Kuala Lumpur: Government Press.
- Khadri Mohd. Salleh. 1989. Masalah Kongsi Gelap dan Pergaduhan Orang-Orang Cina di Kulim, Kedah Pada Tahun 1888. Latihan Ilmiah. Universiti Sains Malaysia.
- Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 2. T.H.1304-1305H/1886-1887M.
- Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 2. 29 Muharram 1305/18 Oktober 1888.
- Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 2. 4 Rabiul Awal 1305/21 November 1888.
- Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 2. 4 Syawal 1305/13 Jun 1888.
- Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 2. 15 Syawal 1305/24 Jun 1888.
- Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 2. 16 Syawal 1305/25 Jun 1888.
- Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 2. 4 Zulkaedah 1306/2 Julai 1889.
- Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 2. 14 Syaaban 1306/15 April 1889.
- Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 3. T.H.1306-1307H/1888-1889M.
- Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 3. 15 Syaaban 1306/16 April 1889.
- Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 3. 19 Syaaban 1306/20 April 1889.
- Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 1. 18 Zulkaedah 1306/13 Jun 1889.
- Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 2. 4 Syawal 1305/14 Jun 1888.
- Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 6. 6 Syawal 1305/15 Jun 1888.
- Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 2. 15 Syawal 1305/25 Jun 1888.
- Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 5. 10 Safar 1308/25 September 1890.
- Koleksi Surat Sultan Abdul Hamid (KSSAH) No. 5. T.H.1308-1313H/1890-1895M.
- Mahani Musa. 2006. *Malay Secret Societies in the Northern Malay States, 1821-1940s*. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society (MBRAS).
- Mat Kassim Abdul Majid. 1981. Sultan Abdul Hamid Shah (1864–1945): Pengasas Kedah Moden. *Lindungan Bulan* 1–18.
- Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. 2007. Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid Sebagai Dokumen Sejarah Sosioekonomi Negeri Kedah (1882–1943). Latihan Ilmiah. Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. 2011. Warisan Kesultanan Melayu: Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid dan Ekonomi Kedah. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 45-66.
- Mohd Kasturi Nor Abd Aziz. 2012. Kegiatan Jenayah di Kedah Menerusi Surat-Menyurat Sultan Abdul Hamid. *Sejarah: Journal of the Department of History* 51–70.
- Mohd Yusof Mustaffa. 1978. Perkembangan-perkembangan di Daerah Kulim, Kedah 1870-1939. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.
- Muhammad Hassan To' Kerani Mohd Arshad. 1968. *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ooi Jin Pee. 1963. *Land, People and Economy in Malaya*. London: Oxford University Press.
- Purcell, Victor. 1948. *The Chinese in Malaya*. London: Oxford University Press.
- Tan Ding Eing. 1975. *Sejarah Malaysia dan Singapura*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Tan Geck Choon. 2013. *Pelacur Imigran Cina di Pulau Pinang*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

- Tan Soon Chin & Adnan Jusoh. 2024. Penglibatan Generasi Pertama dan Generasi Keempat Keluarga Koh dalam Perniagaan Candu dan Arak di Pulau Pinang, 1786-1910. *Asian Journal of Environment, History and Heritage* 87–106.
- Thow Eng Kee. 1995. *Kedah Selepas Perang Kulim: Faktor British dan Siam dalam Kajian Perkembangan Sosio-Politik Kedah 1888–1909*. Kedah: Nealdy Publisher and Distributor.
- Thow Eng Kee. 1989. *Kekacauan Kulim, 1888*. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya.
- Zahrah Mahmud. 1966. *Change in a Malay State: A Historical Geography of Kedah before 1939*. Tesis M.A. Universiti Malaya.

Anis Syuhada Amran
Bahagian Sejarah,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang, Malaysia
Email: aniessyuhada799@gmail.com

Norasmahani Hussain, (Ph.D)
Bahagian Sejarah,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia,
Pulau Pinang, Malaysia
Email: norasmahani@usm.my

Received: 24th November 2024

Accepted: 10th December 2024

Published: 30th December 2024